



## SIARAN MEDIA

### ISU: PENGGUNAAN AIR AKSB DARI PILI BOMBA UNTUK PEMADAMAN KEJADIAN KEBAKARAN DI BEREK 12, KOTA BHARU PADA 28 APRIL 2022

1. Isu di atas telah ditimbulkan oleh netizen dalam media sosial (**MEDSOS**) yang telah memberi gambaran negatif kepada AKSB dalam penyediaan perkhidmatan bekalan air terawat ke kawasan berkenaan khususnya dan ke seluruh negeri amnya;
2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kelantan (**JBPM**) mengesahkan bahawa mereka telah menggunakan air yang dibekalkan oleh AKSB melalui pili bomba berdekatan pasar Berek 12 dan pili bomba berhadapan Perodua Yamud Berek 12 walaupun bertekanan rendah;
3. JBPM juga mengesahkan bahawa mereka mempunyai jentera dan sumber termasuk air yang mencukupi untuk memadam kebakaran tersebut;
4. Kepulangan perantau untuk menyambut Aidil Fitri telah menambahkan permintaan bekalan air terawat dan AKSB telah bersedia meminimalkan gangguan bekalan air terawat kepada pengguna;

5. AKSB telah war-warkan di media elektronik dan cetak serta MEDSOS, persediaan awal termasuk penyediaan pelan kontigensi bagi meningkatkan bekalan air terawat sepanjang perayaan Aidil Fitri;
6. Kawasan Berek 12 memperolehi bekalan air terawat dari LRA Tg. Mas. Bagi mengatasi penurunan pengeluaran di LRA Tg. Mas, kerja pembaikan ke atas empat telaga di LRA Tg. Mas sedang dilaksanakan;
7. Telaga-telaga tersebut dijadual beroperasi dalam minggu ini. Dua buah telaga telahpun siap dibaiki dan telah beroperasi. Terdapat peningkatan pengeluaran di loji;
8. AKSB memohon kerjasama pengguna dan orang awam supaya menyalurkan sebarang aduan termasuk insiden paip pecah atau bocor dengan segera ke platform aduan rasmi AKSB seperti applikasi myAKSB, whatsapp ke 019-575 5777 atau Hotline 15777 agar tindakan segera dapat diambil oleh AKSB; dan
9. Terima kasih. Selamat menyambut Hariraya Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin. Kita jaga kita dan kita sentiasa patuhi semua arahan Pihak Berkuasa.

**Unit Komunikasi Korporat**

**Pejabat Pengurus Besar**

**Air Kelantan Sdn. Bhd.**

**28 Ramadan 1443/ 30 April 2022.**